

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



KENYATAAN SEBUT HARGA KERJA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. Sebut Harga : **JPSWPL(ZP)2026.01**
Tajuk Projek : **KERJA MENCEGAH HAKISAN PANTAI DI PANTAI TANJUNG ARU NELAYAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (TAWARAN SEMULA)**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah **berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan mestilah dari kalangan **kontraktor tempatan (lalu bagi negeri / daerah WP LABUAN)** sahaja di bawah bidang berikut;

Gred	Kategori	Pengkhususan
G3	CE	CE 06

(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini)

3. **Taklimat Sebut Harga dan Lawatan Tapak** adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak sahaja yang dibenarkan mengambil Dokumen Sebutharga. Taklimat akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh	:	4 Februari 2026 (Rabu)
Masa	:	9.00 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat JPS WP Labuan

4. Hanya penama syarikat di dalam **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** sahaja boleh menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak.
5. Penyebutharga **WAJIB** mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC), Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) dan Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa(SA).
6. Dokumen Sebut Harga akan dihantar melalui **E-MAIL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA (Emel persendirian tidak dibenarkan)** yang telah didaftarkan seperti para 3, serta syarikat yang berjaya melepasi syarat dan kelayakan yang ditetapkan mulai **05 Februari 2026**.
7. Sebutharga akan ditutup pada **11 Februari 2026 (Rabu)**. Dokumen Sebut Harga dalam bentuk hardcopy (Salinan Cetak) yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di **Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran WP Labuan, Jalan Ranche-Ranche, WP Labuan** **TIDAK LEWAT** dari jam **12.00 tengah hari** pada hari tersebut.




JOVINIA BT SANAM
Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Wilayah Persekutuan Labuan